

Banjir: Perlis mohon RM576.9j

Oleh WANDA IDRIS
pengarang@utusan.com.my

SUBANG JAYA 14 Nov. – Perlis memohon peruntukan sebanyak RM576.9 juta daripada kerajaan Persekutuan dalam usaha menangani masalah banjir besar daripada terus berulang di negeri tersebut.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, peruntukan tersebut bertujuan untuk pembangunan infrastruktur bagi lima projek tebatan banjir di negeri terabit.

Titah baginda, ini termasuk pembiayaan bagi pembangunan fasa kedua Empangan Timah Tasoh yang membabitkan kos RM500 juta selain projek tebatan banjir di Bandar Perlis, Arau, Padang Besar, Kangar dan Kuala Perlis yang masing-masing berjumlah RM32.5 juta; RM21 juta; RM13.4 juta dan RM10 juta.

“Kita tidak mahu menuding jari menyalahkan mana-mana pihak berhubung banjir besar yang baru berlaku sebaliknya mencari penyelesaian terbaik untuk menangani masalah tersebut.

“Tebatan banjir perlu dilaksanakan segera. Sungai-sungai perlu diperbesar



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail (barisan belakang, tengah) bergambar bersama penyumbang kepada Yayasan Tuanku Syed Putra untuk sumbangan kepada mangsa banjir Perlis di Kuala Lumpur, semalam.

dan diperdalamkan dan ini bukan sahaja memakan masa tetapi memerlukan perbelanjaan yang besar,” titah baginda.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah

demikian pada majlis penyerahan sumbangan kepada Yayasan Tuanku Syed Putra untuk mangsa banjir di Perlis di sini hari ini.

Sebanyak RM409,000 berjaya dikutip dalam pelbagai bentuk termasuk wang tunai antaranya sumbangan daripada Bank Rakyat, Yayasan CIMB dan Amcorp Berhad.

Turut disampaikan adalah wang zakat berjumlah RM100,000 oleh MIDF Property Berhad yang disalurkan kepada Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs).

Tuanku Syed Faizuddin yang juga Pengerusi Yayasan Tuanku

Syed Putra bertitah, pihaknya juga mengambil beberapa langkah pemuahan untuk membantu mangsa pasca banjir melibatkan pembangunan daripada segi fizikal dan emosional.

Ini termasuk, titah Raja Muda, bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mengagih-agihkan sumbangan terutama berbentuk wang tunai kepada mangsa.

Selain itu, kata baginda, kerajaan negeri juga akan mempertingkatkan komunikasi dengan kerajaan Thailand sebagai persediaan menghadapi gelombang kedua banjir besar di negeri tersebut.

Yayasan juga, tegas baginda akan terus komited dalam melaksanakan pelbagai program bagi membantu rakyat antaranya mempergiatkan program Titian Kasih bertujuan mendidik rakyat negeri tersebut dalam persiapan menghadapi bencana alam seperti banjir, kebakaran, tanah gerlusan dan ribut.

Sehingga kini, kata baginda, program yang modulnya diambil dari Switzerland, Amerika Syarikat dan Singapura itu telah dijalankan kepada 90 peratus sekolah di negeri tersebut selain masjid-masjid dan 50 buah kampung.

Dalam pada itu baginda bertitah, akibat banjir besar baru-baru ini, negeri tersebut mengalami kerugian bernilai lebih RM36 juta termasuk kemusnahan pertanian sebanyak RM13 juta, peralatan pengimejan resonans magnetik (MRI) hospital (RM10 juta) dan peralatan teknologi maklumat (ICT) di sekolah-sekolah (RM13 juta).